Republik Islam Iran rai Kemenangan Revolusi Islam Ke-38

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

GADONG, Jumaat, 10 Februari. - Bagi meraikan Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-38, Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Hadir sama, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Abdolhamid Fekri.

Majlis terdahulu dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, iaitu 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Republik Islam Iran, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Kemuncak majlis ialah memotong kek ulang tahun yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua) bersama TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Para tetamu yang hadir kemudiannya dialu-alukan untuk menikmati jamuan yang disediakan sambil menyaksikan tayangan video mengenai Republik Islam Iran.

Republik Islam Iran dan Negara Brunei Darussalam antara dua buah negara yang mempunyai persamaan dari segi sejarah, budaya dan agama serta mempunyai banyak minat sama yang membuatkan kedua-dua buahnya menjadi lebih rapat dan meningkatkan hubungan serta kerjasama dalam pelbagai aspek.

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim (kiri) bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke negara ini, Tuan Yang Terutama Abdolhamid Fekri (kanan) memotong kek sempena Ulang Tahun Kemenangan Revolusi Islam di Republik Islam Iran Ke-38.

MIB falsafah negara dan teras kenegaraan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menyampaikan Kuliah Khas pada Majlis Kuliah / Aktiviti Ilmiah bagi Kursus Melayu Islam Beraja Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2016 / 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Februari. - Sepanjang lebih 30 tahun merdeka, Melayu Islam Beraja (MIB) adalah falsafah negara dan teras kenegaraan, Negara Brunei Darussalam dapat terus berkembang maju yang dapat dilihat daripada pembangunan prasarana dan pembangunan tenaga manusia rakyatnya.

Sementara di peringkat antarabangsa ia juga telah menempati dan menyandang dengan baik dan wajar posisi serta statusnya dalam keadaan aman tenteram dalam kalangan negara-negara dunia. Hal yang demikian itu adalah berkat kepimpinan pemerintahan beraja yang berkesan pada menaungi kepentingan rakyat dan negara.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati Kuliah Khas yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada Kuliah / Aktiviti Ilmiah bagi Kursus MIB Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sesi 2016 / 2017 (Semester 2) berlangsung di Auditorium, UNISSA, Gadong.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa dengan kepimpinan yang berkesan itu nilai-nilai MIB diterapkan secara bijaksana dan betul demi merealisasikan tiga perkara aspirasi nasional dan azam politik yang diungkapkan dalam Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan, iaitu sebagai negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Kuliah Khas bertajuk 'MIB - Signifikan Watikah Titah Permasyhurannya dan Penerapan Konsepnya dalam Pemerintahan Negara Brunei Darussalam' membicarakan mengenai MIB dan signifikan watikah sebagai instrumen penting dalam pemasyhuran kemerdekaan.

Dalam Kuliah Khas tersebut, Yang Berhormat turut mengetengahkan tentang penerapan konsep MIB dalam pemerintahan beraja Negara Brunei Darussalam menurut ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah, yang meliputi empat aspek, iaitu Kuasa Memerintah menurut Peruntukan Perlembagaan, Lantikan Pegawai-Pegawai Utama, iaitu Menteri dan Timbalan Menteri, Majlis-Majlis Mesyuarat sebagai Majlis Isytisyari atau Konsultasi, dan Sultan dan Pengganti-Pengganti Baginda.

Kuliah Khas MIB anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UNISSA itu telah dipengerusikan oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad.

Kursus MIB adalah kursus yang ditawarkan kepada mahasiswa / mahasiswi Tahun 1, UNISSA yang dikategorikan sebagai Kursus Wajib Universiti. Dalam keberhasilan Kursus MIB ini, mahasiswa / mahasiswi diharap akan memahami konsep MIB dengan lebih dalam dan luas serta menjadikan MIB sebagai pegangan cara hidup dalam menghadapi gelombang moden dan arus globalisasi.

Hadir sama mendengarkan Kuliah Khas tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Timbalan Rektor, Pengarah PPIB, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

HADIR sama mendengarkan Kuliah Khas tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga, kanan); Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah (lima, kanan); Timbalan Rektor, Pengarah PPIB, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

TelBru sampaikan hadiah

Siaran Akhbar : TelBru

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Februari. - Kempen media sosial tahun baharu TelBru bagi meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-33 diraikan dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada Awang Mohammad Azimuddin bin Januddin sebagai mengiktiraf kemenangannya di Pertandingan Storyboard TelBru yang diadakan di cawangan Yayasan TelBru di ibu negara.

Menurut Siaran Akhbar TelBru, kempen tersebut bermula pada 13 Januari lalu dan disertai oleh beberapa peserta dengan pelbagai tema *storyboard* yang bertajuk 'Masa depan negara bergantung pada belia' atau 'Future of the Country depends on Youth' yang dihasilkan oleh Awang Mohammad Azimuddin mempamerkan sentimen di sebalik tema Hari Kebangsaan tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara' yang mencerminkan sokongan kuat TelBru sendiri bagi penyertaan belia dalam semua aspek pembangunan.

Hadir menyampaikan hadiah berupa cek BND1,000, Ketua Perkhidmatan Pegawai Korporat TelBru, Dayang Hajah Rosmawati binti Haji Manaf.